

CNS0566

UGB 10-07 00200 BC112

aab

Mahathir - Buruh

I

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan menyekaji semula undang-undang dan peraturan berkaitan dengan penggunaan tenaga pekerja asing bagi memudahkan proses kelulusan pengambilannya serta bagi menambahkan lagi pengambilannya mereka dalam usaha memenuhi keperluan mendesak terhadap tenaga kerja dalam beberapa sektor ekonomi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menimbang mengenakan bayaran levi terhadap pekerja asing memandangkan mereka juga menikmati faedah pembangunan dan kemudahan awam yang disediakan.

Semasa berucap membentangkan usul Rancangan Malaysia Keenam (RM6) di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata bahawa buat permulaan, kelonggaran dalam penggunaan tenaga pekerja asing adalah bagi tempoh dua hingga tiga tahun bagi membolehkan rakyat negara ini mempelajari kemahiran yang diperlukan, serta memberi masa yang cukup kepada pihak industri mengubahsuai teknik-teknik pengeluaran mereka supaya kurang menggunakan tenaga pekerja.

Bagi membantu sektor swasta mendapat pekerja asing berkemahiran tinggi di peringkat pengurusan dan teknikal, kerajaan akan menimbang permohonan daripada pasangan mereka untuk bekerja sementara di Malaysia.

Kerajaan akan menubuhkan satu mekanisme yang sesuai bagi mengawasi pengambilannya tenaga pekerja asing untuk mengurangkan penggunaan pekerja asing tanpa izin serta memastikan bahawa rakyat Malaysia terus diberi keutamaan dalam pekerjaan. -- Lagi

♥10/07/18-22MST

CNS0568

UGB 10-07 00175 BC113

aab

Mahathir - Buruh 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bayaran levi ke atas pekerja asing akan membolehkan kerajaan mengesan penggunaan pekerja asing untuk menentukan yang pekerja ini digunakan dengan berkesan selaras dengan keadaan permintaan dan bekalan bagi pekerja berkenaan.

Katanya kekurangan pekerja yang dialami ini berpunca daripada kejayaan usaha pembangunan negara.

Walaupun keadaan pasaran buruh yang ketat sekarang membolehkan pekerja mendapat faedah daripada tawaran upah yang lebih tinggi, Perdana Menteri berkata langkah yang sesuai perlu diambil bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja mahir dan tidak mahir untuk memastikan pertumbuhan ekonomi tidak terjejas.

+Kenaikan upah, jika tidak disertai dengan peningkatan daya pengeluaran, akan menjadikan barangan kita tidak kompetitif sementara kekurangan pekerja serta upah yang akan mengurangkan pelaburan, + kata beliau.

Memandangkan kedudukan ini, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata penekanan yang lebih besar telah diberi kepada pembangunan manusia khususnya dalam membentuk si kap generasi muda dan menambah kemudahan pendidikan serta latihan untuk memenuhi keperluan pertambahan tenaga mahir yang diperlukan untuk ekonomi negara yang sedang berkembang. -- Bernama

♥10/07/18-23MST